

SOALAN NO: 439

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN SIM TZE TZIN

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada benar laporan Kedutaan Nepal yang menyatakan 3,000 pekerja Nepal mati ditimpa kemalangan di tempat pekerjaan sejak 12 tahun lepas, purata seorang mati setiap hari. Apakah langkah memperbaiki keadaan pekerja asing.

PR-1341-T72879

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), pada 31 Disember 2015 terdapat seramai 502,519 pekerja warga negara Nepal yang bekerja di Malaysia dalam sektor formal. Daripada jumlah ini seramai 355,931 pekerja bekerja dalam sektor perkilangan, 106,287 bekerja dalam sektor perkhidmatan, 18,002 bekerja dalam sektor pertanian, 16,397 bekerja dalam sektor pembinaan dan 5,902 bekerja dalam sektor perladangan.
2. Mengikut statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja, adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan 3,000 pekerja Nepal maut ditimpa kemalangan di tempat kerja sejak 12 tahun yang lalu. Jumlah kes kemalangan maut pekerja asing warga negara Nepal yang dilaporkan dari tahun 2004 hingga 2015 adalah berjumlah **1386 kes**. Pada tahun 2015, kes kemalangan maut melibatkan warga negara Nepal ialah 178 kes di mana jumlah ini telah menurun berbanding kes berlaku pada tahun 2014 iaitu 209 kes.
3. Majikan perlu melaporkan kes kemalangan yang berlaku ke atas pekerja asing yang digajikan kepada Jabatan Tenaga Kerja bagi membolehkan tuntutan insurans di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing diproses.

4. Di bawah perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) Malaysia, semua pekerja termasuk pekerja asing mempunyai hak dan peluang yang sama untuk bekerja di tempat kerja yang selamat dan sihat. Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan serta kebajikan semua pekerjanya termasuklah pekerja asing dengan menyediakan latihan, penyeliaan, maklumat dan arahan-arahan yang jelas.
5. Bagi merealisasikan hala tuju Kementerian ke arah mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan tiga (3) aktiviti utama iaitu penetapan standard, penguatkuasaan dan promosi.

i) Penetapan Standard:

Penetapan standard yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan dikaji, digubal dan disediakan dari masa ke semasa. Ini bertujuan untuk memastikan standard yang digubal adalah relevan dengan risiko keselamatan dan kesihatan semasa berada di tempat kerja.

ii) Penguatkuasaan dan Audit KKP berterusan :

JKKP menjalankan audit pematuhan terhadap perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke atas semua sektor

pekerjaan dan pemeriksaan berkala terhadap jentera berperakuan kelayakan. Tiada diskriminasi penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) oleh pihak JKKP terhadap pekerja tempatan mahupun pekerja asing. JKKP juga mengenakan tindakan undang-undang terhadap majikan yang gagal mematuhi peruntukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

iii) Promosi dan latihan:

JKKP aktif menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan galakan secara berterusan seperti kempen keselamatan dan kesihatan, Minggu Keselamatan dan Kesihatan peringkat nasional, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, *National Conference for OSH*, dialog, media massa dan elektronik, program "Compliance Support" dan *Outreach program*.

RT15/440

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan untuk Sekolah Berasrama Penuh (SBP) untuk 2010-2015. Nyatakan mengikut tahun.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyediakan peruntukan kewangan secara langsung atau tidak langsung kepada semua jenis sekolah termasuklah Sekolah Berasrama Penuh. Peruntukan tersebut melibatkan pengoperasian sekolah dari segi emolumen, peruntukan pembelajaran dan pengajaran, penyelenggaraan sekolah serta 25 jenis bantuan persekolahan seperti bantuan geran per kapita, bantuan makanan, bantuan kokurikulum, bantuan bayaran tambahan persekolahan dan sebagainya.

Peruntukan mengurus sekolah berasrama penuh bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM)
2010	315 juta
2011	343 juta
2012	350 juta
2013	407 juta
2014	427 juta
2015	481 juta

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN
BARU]**

SOALAN : 441

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah biasiswa dan jumlah amaun yang ditaja oleh MARA dalam dan luar negara untuk pelajar lepasan SPM, STPM, Matriks. Nyatakan mengikut tahun 2010-2015.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, program penajaan pelajaran secara pinjaman boleh ubah yang disediakan oleh MARA adalah sebagai pelengkap dalam usaha melahirkan modal insan global dan berintegriti dalam pelbagai peringkat pengajian di dalam dan di luar negara bertujuan memenuhi keperluan pasaran semasa yang memerlukan modal insan profesional dan *global oriented*.

Sejak tahun 2010 hingga 2015, MARA telah menawarkan kemudahan pinjaman pelajaran kepada lebih 13,000 orang pelajar cemerlang Bumiputera lepasan SPM melanjutkan pengajian di dalam dan di luar negara.